



## SIARAN MEDIA

### 10,119 PENDUDUK SABAH TERIMA MANFAAT LANGSUNG KEMBARA KASIH KPWK 2025

TAWAU, 24 Mei – YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Timbalan Ketua Menteri II hari ini telah menyempurnakan Majlis Penutupan Kembara Kasih KPWK 2025 dan Majlis Penyerahan Notis Antigangguan Seksual di Dewan Tertutup Kompleks Sukan, Tawau.

YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim dalam ucapannya berkata bahawa Kerajaan Sabah berbesar hati kerana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah memilih Sabah sebagai lokasi program dan mengharapkan agar rakyat Sabah telah mendapat limpahan manfaat hasil kembara ini khususnya kepada golongan wanita, kanak-kanak, OKU, warga emas dan keluarga.

Dalam majlis yang sama, turut dilaksanakan majlis penyerahan Notis Anti Gangguan Seksual kepada empat buah institusi iaitu Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah, Majlis Perbandaran Tawau, Persatuan Ibu Tunggal Kalabakan Tawau dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Menurut YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim, semua golongan masyarakat harus sedar bahawa gangguan seksual merupakan suatu perlakuan yang tidak bermoral dan seharusnya dijauhi. Beliau menyuarakan sokongan penuh kepada inisiatif KPWK untuk menyebarluaskan advokasi berkaitan dengan gangguan seksual agar isu ini dapat dibendung dari peringkat awal sebelum menjadi parah dan punca kepada masalah jenayah yang lebih serius termasuklah rogol dan keganasan terhadap wanita.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dalam ucapan penghargaannya yang dibacakan oleh YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) memaklumkan bahawa Kembara Kasih KPWK 2025 telah berjaya menjelajah lebih 400km di enam buah daerah iaitu Tuaran, Papar dan Penampang bagi zon 1 dan Lahad Datu, Kunak dan Tawau bagi zon 2.

Seramai 10,119 rakyat Sabah telah mendapat manfaat secara langsung menerusi 34 buah program kembara KASIH KPWKm bagi tahun ini. Ini termasuk mereka yang hadir dan menyertai aktiviti atau mendapatkan perkhidmatan yang disediakan melalui kaunter-kaunter yang dibuka di lokasi-lokasi aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang kembara ini.

Kembara Kasih KPWKm tahun ini juga melakar sejarah tersendiri apabila Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Bergerak yang pertama di Sabah telah dilancarkan. Selain itu, kembara KASIH juga berkesempatan menziarahi 14 klien JKM dan LPPKN yang berada di sekitar kawasan laluan konvoi. Kunjungan ini diharapkan dapat meringankan beban, memberikan motivasi dan semangat kepada mereka untuk bangkit meneruskan kehidupan.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada rakan strategik iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi Jualan Usahawan Wanita dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerusi Jualan Rahmah.

Turut hadir dalam majlis ini YBhg. Datin Seri Panglima Linda Ewit, isteri Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr Joachim Gunsalam, YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Mewakili YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, YB Datuk Haji Nizam Bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Apas, YB Datuk Lo Su Fui, Ahli Parlimen Tawau, YB Datuk Hamild @ Hamid Bin Awang, Pengurus Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (Safoda) Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Balung, YB Datuk Rina Haji Jainal, Setiausaha Politik Kepada Menteri Kewangan Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, Kukusan, YBrs. Puan Hanani Binti Sapit, Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
24 Mei 2025